

MAKLUMAN : URUSAN BAYARAN CUKAI TANAH BAGI HAKMILIK WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA TAHUN 2022

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

YBhg Datuk/ Tuan/ Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas

2. Adalah dimaklumkan kepada Tuan, bermula tahun 2022 beberapa perubahan telah dilaksanakan bagi menambahbaik Perkhidmatan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya (PPTGWPPj). Ini khususnya melibatkan urusan berkaitan bayaran Cukai Tanah bagi hakmilik-hakmilik di Wilayah Persekutuan (WP) Putrajaya.

3. Sehubungan itu, bersama-sama dikemukakan **perkara-perkara baharu berkaitan perubahan urusan dan kaedah bayaran bagi Cukai Tanah WP Putrajaya** seperti di **Lampiran 1** untuk makluman dan rujukan pihak berkaitan semasa berurusan dengan PPTGWPPj.

4. Sehubungan itu, dimohon pihak YBhg Datuk/Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk berkongsi, mengedar dan memaklum perkara tersebut kepada pihak-pihak berkaitan bagi memudahkan urusan merancang dan menyelaras proses kerja serta urusan dengan PPTGWPPj mengikut ketetapan yang disediakan. Ini bagi mengelakkan urusan niaga dan bukan urusan niaga tidak dapat dilaksanakan seterusnya menyebabkan kelewatan dan denda kepada transaksi berkaitan.

5. Kerjasama dan perhatian YBhg Datuk/ Tuan/ Puan amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(FARHAN BIN HASSAN)

Penolong Pengarah

Bahagian Pendaftaran, Hakmilik dan Hasil

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya

Aras G, Blok 2

Menara Seri Wilayah, Presint 2

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62100 PUTRAJAYA

Tel: 03-8889 7778 | Fax: 03-8881 1804

✉: farhan@ptgwp.gov.my | www.ptgwp.gov.my

**PERKARA-PERKARA BAHARU BERKAITAN URUSAN BAYARAN CUKAI TANAH
BAGI HAKMILIK WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA TAHUN 2022**

BIL.	SEBELUM PELAKSANAAN SISTEM ETANAH	SELEPAS PELAKSANAAN SISTEM ETANAH
1.	Bayaran cukai tanah lebih/kurang diterima di kaunter khidmat pelanggan PPTGWPPj.	Bayaran cukai tanah lebih/kurang di akan ditolak kaunter khidmat pelanggan PPTGWPPj bagi mengelakkan isu berbangkit.
2.	Tiada dasar khusus berhubung remitan cukai tanah kepada tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) bagi penerima pindahmilik pada tahun yang sama.	Remitan cukai tanah kepada tanah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terpakai bagi penerima pindahmilik pada tahun yang sama.
3.	Denda (10% daripada nilai cukai tanah) terhadap Cukai Tanah yang lewat dibayar dikenakan termasuk jumlah sen.	Denda (10% daripada nilai cukai tanah) terhadap Cukai Tanah yang lewat dibayar akan <i>“digenapkan menjadi satu (1) ringgit yang terdekat sekali melebihi amaun yang dihitung sedemikian”</i> sebagaimana Kanun Tanah Negara (KTN) Seksyen 96(2).
4.	Tiada ketetapan hari tanpa tunai pada setiap hari Selasa dan Jumaat.	PPTGWPPj menetapkan hari tanpa tunai pada setiap hari Selasa dan Jumaat.